

# Tidak sampai hati menjual ubat

**M**ESKIPUN mempunyai kelulusan dalam bidang farmasi yang melayakkan beliau menjadi ahli farmasi bertauliah, Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak, 64, enggan berkecimpung dalam bidang itu.

Darah pendidik yang diwarisi daripada arwah bapanya, Datuk Abdul Razak Abdul Hamid membuatkan

beliau lebih cenderung memilih untuk berkhidmat sebagai seorang pendidik selepas menamatkan pengajian.

Abdul Razak merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang terselamat dalam tragedi bom di Hiroshima, Jepun pada 6 Ogos 1945 yang meragut suku juta nyawa.

Arwah pada ketika itu ke sana selepas terpilih untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Hiroshima dalam pengkhususan pendidikan melalui bahasa Jepun.

Jelas Dzulkifli, bapanya itu banyak mempelajari dan mengamalkan budaya tradisi Jepun yang mementingkan budaya terpuji seperti berdisiplin, menghormati orang tua serta khalayak dan menghargai masa.

"Dalam mendidik anak-anak, ayah merupakan seorang yang tegas tetapi tidak kasar atau lantang dalam menerapkan budaya yang diteladani daripada masyarakat di sana.

"Alhamdulillah, kami adik-beradik masing-masing berjaya dan mengikut jejak langkah beliau menjadi seorang pendidik walaupun ada kelompangan tertentu," ujarnya membuka bicara ketika ditemui di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

## Meneruskan pengajian

Ketika ditebak tentang keengganan menjadi ahli farmasi sedangkan pada zaman beliau, tidak ramai yang berkecimpung dalam bidang itu, anak kelahiran Kuala Lumpur tersebut menghadiahkan senyuman manis.

"Jika saya menjual ubat dan bekerja di farmasi, mungkin syarikat akan kerugian. Saya tidak sampai hati untuk mendapatkan wang daripada hasil jualan ubat.

"Saya berasa seperti mengambil kesempatan ketika orang berada dalam kesempitan (orang sakit) memerlukan ubat untuk merawat penyakit. Kerjaya seumpama ini tidak sesuai dengan jiwa saya," tuturnya penuh makna.

Meskipun mempunyai pendirian seperti itu, Dzulkifli masih meneruskan pengajian dalam bidang farmasi di Universiti Sains

Malaysia (USM) sehingga berjaya menggulung ijazah pada 1976 dan mengikuti Skim Latihan Kakitangan Akademik untuk berkhidmat di universiti yang sama sebagai pensyarah.

Berbicara tentang USM, tokoh itu memberitahu, gedung ilmu yang terletak di Minden, Pulau Pinang tersebut mempunyai makna dan sejarah besar buat dirinya.

Cerita beliau, lokasi itu menjadi tempat beliau belajar, bekerja mencurahkan bakti kepada pelajar sebagai pensyarah dan bertemu jodoh dengan isteri, Masrah Abidin yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Pustakawan USM.

Kampus itu juga menjadi tempat Dzulkifli menabur bakti sebagai Naib Canselor mulai tahun 2000 sebelum memilih untuk bersara pada 2011.

"Tidak semua orang diberikan peluang sebegini. Dapat mencurahkan bakti kembali di tempat yang sama dengan tempat belajar dan bekerja.

"USM juga banyak mengajar dan mendidik saya menjadi manusia terutama ketika proses mentadbir universiti," kongsiannya.

Beliau memberitahu, individu yang mentadbir di peringkat atasan perlu mendengar idea dan pandangan daripada semua orang tanpa mengira lapisan, pangkat dan kedudukan.

"Begitulah caranya USM digemblengkan sehingga mendapat status APEX (Program Pemacuan untuk Kecemerlangan) pada September 2008.

"Pencapaian institusi ini umpama menjadi Pusat Wilayah Kepakaran bagi Pendidikan untuk Pembangunan Lestari di bawah kelolaan Universiti Bangsa-bangsa Bersatu seawal 2005," kongsiannya.

Terang bapa kepada empat orang anak itu, sebagai seorang Naib Canselor yang mentadbir sebuah universiti, beliau juga selalu terbuka meminta pandangan dan menerima kritikan serta teguran kerana itulah caranya dalam dunia ilmu yang mengutamakan percambahan fikiran.

Bagi tokoh itu, buah fikiran yang bernas dan berhemah mengatasi kedudukan, pangkat dan perubahan besar.

Tegasnya, Islam mengajar kesamaan dan menganjurkan sikap merendah diri. Setiap orang perlu sedia untuk belajar dengan sesiapa sahaja kerana tidak semua ilmu dikuasai oleh individu kerana tidak bermakna yang berpangkat dan berkedudukan tahu segala-galanya.

"Setiap orang mempunyai idea dan pandangan yang berbeza mengikut pengalaman masing-masing. Kita tidak boleh menilai mereka berdasarkan taraf pendidikan atau latar belakang semata-mata.

"Sebagai contohnya, seorang tukang kebun yang bekerja lebih 10 tahun tentu lebih mahir berhujung dan berkongsi pengalaman tentang tumbuh-tumbuhan dan pokok hiasan berbanding kita yang bekerja di dalam pejabat," terangnya yang kuat memperjuangkan pembangunan lestari ketika berada di USM.

Kiasan Universiti Dalam Taman dan Kampus Sejahtera ketika itu merupakan cogan kata yang mendasar kepada sikap terangkuman dan kerakanan yang diterapkan selama sedekad



DZULKIFLI sewaktu berucap pada sidang akademik ke-775 di University of Siena, Itali baru-baru ini.

menerajui USM.

Berpegang kepada nilai tradisi umpama padi yang berisi semakin tunduk ataupun pegangan ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya, Dzulkifli yang kini penyandang Kursi Kepemimpinan Islam, Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia mempunyai pandangan tersendiri tentang kegunaan teknologi maklumat termasuk laman sosial serta alatan yang kian lama kian membelenggu minda dan sahsiah masyarakat kini.

Beliau yang tidak tertarik untuk mempunyai akaun Facebook, Twitter atau laman sosial lain melainkan e-mel berpendapat, makna insan semakin terhakis kerana pengaruh teknologi yang mampu memperhambakan manusia yang sahsiahnya tidak terbentuk dengan sempurna.

## Memporak-perandakan

"Tidak ramai yang menggunakan nama sendiri sebaliknya meletakkan nama samaran di akaun masing-masing, sekali gus membayangkan budaya baling batu sorok tangan yang bakal memporak-perandakan keharmonian masyarakat seperti yang berlaku sekarang ini.

"Kenapa tidak diletakkan nama sebenar? Tidak perlu takut untuk menggunakan nama sendiri dalam menegakkan kebenaran" kongsiannya sambil menyifatkan, ramai yang menjadi pengecut kerana hanya berani melontarkan pandangan cetek di ruangan komen laman sosial semata-mata.

Malah tegasnya, ramai pula yang mengupah orang lain untuk berbuat demikian sebagai satu 'penipuan' terang-terangan.

Kata beliau, budaya itulah yang sedang meratoh masyarakat serba moden dengan kecanggihan teknologi. Lebih banyak berdusta atas nama teknologi. Dalam dunia pendidikan, lebih ramai yang menciplak, mencetak rompak dan mencuri idea tanpa rasa bersalah.

Selain itu, menariknya tentang tokoh tersebut, sepanjang hayatnya, Dzulkifli hanya menggunakan telefon bimbit selama kira-kira setahun dan mendapati ini bukan cara hidup yang ingin dihayatinya.

Terang beliau, ia berikutan prinsip yang



GAMBAR yang dirakamkan ketika Hari Raya Aidilfitri lalu bersama isteri (tengah) dan empat orang anak.

berasa seperti diperhamba oleh alatan dan berpendapat bahawa komputer serta e-mel sudah cukup mengabdikan.

"Saya tidak mahu terlalu bergantung kepada alatan elektronik. Selama bekerja dan menjawat jawatan sebagai Naib Canselor, saya tidak pernah mempunyai telefon bimbit, walaupun ada peruntukan khas untuk tujuan ini. Namun, saya masih boleh melaksanakan tugas sebaik yang mungkin," terangnya.

Beliau memberitahu, sebagai pentadbir universiti, beliau wajar menjadi teladan yang baik.

Tidak menolak kepentingan pembangunan teknologi, Dzulkifli menegaskan bahawa pembangunan insan yang kamil lagi seimbang dan harmoni perlu dititik beratkan terlebih dahulu seperti yang tertera dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bukannya modal insan.

Tidak begitu bersetuju dengan pembangunan modal insan, beliau berkata, konsep itu tidak bersesuaian dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Islam kerana melihat pembangunan manusia dari sudut ideologi neo-liberal dan pasaran bebas.

"Islam memandang lebih daripada itu. Bukan sahaja luaran, ia menekankan pembangunan dalaman melibatkan asuhan jiwa, etika, naluri dan kalbu yang kemudiannya terzahir pada luaran manusia.

"Hidup kita tidak dinilai berdasarkan apa yang boleh diukur sahaja dalam bentuk penunjuk-penunjuk pasaran tertentu.

"Disebabkan kita memandang insan dengan nilai komersial, masyarakat terlalu mengangap ranking amat penting dan terlalu mengagungkan pencapaian lahiriah menyebabkan nilai pembangunan kalbu serta roh diketepikan.

"Pendeknya pembangunan terus tidak seimbang yang rata-rata menjadi masalah utama hari ini. Pendidikan juga boleh dikatakan gagal.

"Oleh sebab itu, kita berjaya melahirkan ramai individu yang cemerlang tetapi tidak seiring dengan pembangunan sahsiahnya. Kita hanya tertumpu kepada isu kemiskinan ekonomi tetapi tidak seghairah dengan kepapaan jiwa," kongsiannya.



DZULKIFLI turut dijemput ke Majlis Pelancaran Buku *Hubungan Ketua dan Pekerja: Bagaimana Membahagiakannya?* tulisan Profesor Dr. Muhaya Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.



USM menjadi tempat Dzulkifli menuntut ilmu, bertemu jodoh dan menabur bakti.



AYAH Dzulkifli merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang terselamat dalam tragedi bom di Hiroshima, Jepun. - Gambar hiasan

## TOKOH

MEMBERI khidmat semampu mungkin tanpa mengharapkan balasan adalah perkara penting dalam kehidupan Dzulkifli.

## INFO Dzulkifli Abdul Razak

Bapa: Abdul Razak Abdul Hamid  
Ibu: Zaharah Mohd. Salleh  
Isteri: Masrah Abidin  
Anak: 4 orang (Ridzal, Johan, Suriani dan Farhana)  
Pengalaman: Presiden (pertama dari Malaysia) kepada gabungan organisasi pendidikan antarabangsa, iaitu International Association of Universities (2012 hingga kini), Naib Canselor USM (2000 hingga 2011), Naib Canselor Universiti Antarabangsa Albukhary (Oktober 2011)